

NOTA MAKLUMAN

MENGENAI

KEMALANGAN LORI TANGKI YANG MENYEBABKAN TUMPAHAN POME (PALM OIL MILL EFFLUENT) DI JALAN KULIM MAHANG SIMPANG TIGA FELDA GUNUNG BONGSU, MAHANG KEDAH

PADA

7 NOVEMBER 2025

TUJUAN

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkaitan perkara di atas.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima maklumat berkaitan kemalangan lori tangki milik syarikat transporter (GLT Bio Sdn. Bhd.) membawa *Palm Oil Mill Effluent* (POME) yang terbalik di Jalan Kulim Mahang Simpang Tiga Felda Gunung Bongsu, Mahang KEDAH. Kemalangan dimaklumkan oleh pihak GLT Bio Sdn. Bhd pada jam 4.15 petang, 7 November 2025 dan tiada kenderaan lain yang terlibat.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3. Siasatan di lokasi kemalangan telah dilakukan pada jam 8.00 malam, 7 November 2025 dan mendapati POME yang dibawa telah tumpah diatas tanah di tempat kejadian. Tiada alur air berhampiran kawasan kemalangan.

4. JAS dimaklumkan, POME tersebut dibawa dari Kilang Kelapa Sawit Arah Kawasan Sdn. Bhd., Serdang Kedah ke Kilang Kelapa Sawit Setiakawan Sdn. Bhd. Mukim Padang Cina, 09700 Kulim, Kedah dengan menggunakan *transporter* yang disewa oleh GLT Bio Sdn. Bhd. yang telah memperolehi kelulusan oleh JAS melalui surat bertarikh 27 Oktober 2025.

5. Lori tangki tersebut membawa muatan POME sebanyak 30 tan dan lebih kurang 15 tan POME telah tumpah ke atas tanah. Lebih kurang 15 tan POME yang masih berbaki di dalam tangki lori yang terlibat kemalangan telah dipindahkan ke tangki sementara dan akan dihantar ke Kilang Kelapa Sawit Setiakawan Sdn Bhd..

6. Pihak Kilang Sawit Setiakawan Sdn. Bhd. telah menggunakan EFB (*empty fruit bunch*) untuk menyerap sisa tumpahan POME dan EFB tersebut akan dibawa ke Kilang Kelapa Sawit Setiakawan Sdn. Bhd.

Tindakan Jabatan Alam Sekitar

7. Pihak *transporter* diarahkan hadir ke pejabat JAS pada 9 November 2025 untuk mengemukakan salinan dokumen pengangkutan.

8. JAS memantau operasi pembersihan bagi memastikan kesemua tumpahan dibersihkan.

SYOR

9. Lawatan susulan ke lokasi kemalangan akan dilakukan pada 8 November 2025 bagi memastikan operasi pembersihan selesai sepenuhnya dan tiada kesan pencemaran daripada kemalangan tersebut.

PENUTUP

10. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.

JABATAN ALAM SEKITAR

8 NOVEMBER 2025



Gambar 1: Lokasi kemalangan di Jalan Kulim Mahang Simpang Tiga Felda Gunung Bongsu, Mahang Kedah





Gambar 2 - 4: Keadaan lori tangki yang terlibat kemalangan



Gambar 5 & 6: Tumpahan Palm Oil Mill Effluent (POME) di tepi jalan raya



Gambar 7 & 8: Operasi pembersihan tumpahan Palm Oil Mill Effluent (POME). EFB (*empty fruit bunch*) turut digunakan untuk menyerap tumpahan



Jabatan Alam Sekitar
Department of Environment
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1-4, Podium 2 & 3, Menara PETRA
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

Tel 03-8871 2000 (Am)
03-8888 1040/8888 9987 (Pentadbiran)
Faks 03-8888 2693 (Integrasi)
03-8888 1042 (Komunikasi Strategik)
03-8888 1045 (Penilaian)
03-8888 4070 (Air & Marin)
03-8888 6120 (Bahan Berbahaya)
03-8888 0067 (Penguatkuasa)
03-8888 1973/1975 (Bilik Operasi)
Laman Web : www.doe.gov.my

Rujukan: JAS.600-3/1/4 Jld.9 (20)

Tarikh : 29 September 2025



Pengurus
Kilang Kelapa Sawit Arah Kawasan Sdn. Bhd.
Lot 713, Mukim Sungai Batu
Bandar Baharu
09810 SELAMA
KEDAH

Pengurus
Setia Kawan Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd.
Lot 713 & 714, Mukim Padang Cina
09700 KULIM
KEDAH

Tuan,

PERMOHONAN KEBENARAN PEMINDAHAN EFLUEN KILANG KELAPA SAWIT (POME) DARI KILANG KELAPA SAWIT ARAH KAWASAN SDN. BHD. KE SETIA KAWAN KILANG KELAPA SAWIT SDN. BHD. BAGI TUJUAN MENAMPUNG KEKURANGAN PENJANAAN TENAGA ELEKTRIK DI LOJI JANAKUASA BIOGAS SEDIA ADA DI SETIA KAWAN KILANG KELAPA SAWIT SDN. BHD. DI ALAMAT LOT 713 & 714, MUKIM PADANG CINA, 09700 KULIM, KEDAH

Saya merujuk kepada permohonan tuan serta maklumat tambahan yang dikemukakan ke Jabatan ini berkaitan perkara tersebut di atas.

2. Jabatan ini telah meneliti cadangan dari pihak tuan dan Setia Kawan Kilang Kelapa Sawit Sdn Bhd mengenai permohonan untuk memindahkan efluen kilang kelapa sawit (POME) dari Kilang Kelapa Sawit Arah Kawasan Sdn Bhd ke Setia Kawan Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. bagi menampung kekurangan penjaan tenaga elektrik di loji janakuasa biogas di Setiakawan Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd.

.../2

-2-

3. Justifikasi permohonan ini adalah disebabkan kekurangan buah sawit dan penghasilan POME yang menjejaskan operasi loji biogas sedia ada di premis Setia Kawan Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd.

4. Sehubungan itu, Jabatan ini bersetuju **mempertimbangkan** pelaksanaan pemindahan POME seperti yang dimohon oleh pihak tuan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Jadual Pematuhan Syarat Lesen bagi premis Kilang Kelapa Sawit Arah Kawasan Sdn Bhd ke Setia Kawan Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. bagi tempoh pelesenan mulai **1 Oktober 2025** hingga **30 Jun 2026**.

5. Adalah diingatkan bahawa premis Kilang Kelapa Sawit Arah Kawasan Sdn Bhd ke Setiakawan Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. hendaklah mematuhi syarat-syarat lesen yang sedang berkuatkuasa. Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Jadual Pematuhan Syarat Lesen boleh menyebabkan kelulusan ini dibatalkan pada bila-bila masa.

6. Kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ROSLI BIN ZUL)
b.p. Ketua Pengarah
Kualiti Alam Sekeliling Malaysia

Gambar 9 & 10: Surat kebenaran pemindahan efluen